Tambahan

Kandungan

Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing MS 1

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Akaun Negara

A.1	Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2000	MS 16
A.2	Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2005=100)	MS 17
A.3	Pengeluaran Komoditi Utama	MS 18
A.4	PNK Mengikut Agregat Permintaan	MS 19
A.5	Jurang Tabungan - Pelaburan	MS 20
A.6	Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih	MS 21
A.7	Penunjuk Penggunaan Swasta	MS 22
A.8	Penunjuk Pelaburan Swasta	MS 23

Sektor Luar Negeri

A.9	Imbangan Pembayaran	MS 24
A.10	Eksport Kasar	MS 26
A.11	Eksport Komoditi Utama	MS 27
A.12	Pasaran Utama Eksport Perkilangan	MS 28
A.13	Pasaran Eksport Utama Elektronik	MS 29
A.14	Pasaran Eksport Utama Keluaran Elektrik	MS 29
A.15	Pasaran Eksport Utama Kimia dan Keluaran Kimia	MS 30
A.16	Pasaran Eksport Utama Minyak Sawit	MS 31
A.17	Pasaran Eksport Utama Getah	MS 32
A.18	Pasaran Eksport Utama Minyak Mentah	MS 33
A.19	Pasaran Eksport Utama Gas Asli Cecair	MS 33
A.20	Hutang Luar Negeri dan Khidmat Bayaran Hutang	MS 34

Penunjuk Monetari dan Kewangan

A.21	Indeks Harga Pengguna	MS 35
A.22	Indeks Harga Pengeluar	MS 36
A.23	Wang Secara Luas (M3)	MS 37
A.24	Bekalan Wang: Perubahan Tahunan dan Kadar Pertumbuhan	MS 38
A.25	Kadar Faedah %	MS 39
A.26	Pergerakan Ringgit	MS 40
A.27	Institusi Kredit Perumahan	MS 41
A.28	Pinjaman Perumahan Terkumpul	MS 42
A.29	Pinjaman Perumahan yang Diluluskan	MS 42
A.30	Pembiayaan Ekonomi	MS 43

Kewangan Awam

A.31	Kewangan Sektor Awam Disatukan	MS 44

Penunjuk Terpilih Ekonomi Antarabangsa

A.32	Negara-negara Maju Utama: Penunjuk Ekonomi Utama	MS 45
A.33	Asia Timur: Penunjuk Ekonomi Utama	MS 46

Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Malaysia terus mengekalkan dasar pentadbiran pertukaran asing yang liberal. Peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran asing yang masih kekal sebahagian besarnya adalah merupakan langkah berhemat bagi menyokong objektif makroekonomi keseluruhan untuk mengekalkan kestabilan kewangan dan ekonomi.

I. DEFINISI

Bukan pemastautin:
- Cawangan luar negara, subsidiari luar negara, pejabat serantau luar negara, pejabat jualan, pejabat wakil bagi syarikat pemastautin;
- Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi, organisasi supranasional atau antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
- Warganegara Malaysia yang telah memperoleh taraf pemastautin tetap bagi wilayah di luar Malaysia dan sedang menetap di luar Malaysia.

Pemastautin:
- Warganegara Malaysia (tidak termasuk orang yang telah memperoleh status pemastautin tetap bagi wilayah di luar Malaysia dan sedang menetap di luar negara);
- Bukan warganegara yang telah memperoleh status pemastautin tetap di Malaysia dan tinggal secara tetap di Malaysia; atau
- Entiti, sama ada syarikat yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang berdaftar atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.

Aset ringgit termasuk:
- Sekuriti dalam denominasi ringgit termasuk bil pertukaran, sekuriti hutang swasta, bon atau nota Cagamas, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan, saham dan waran;
- Derivatif yang diniagakan di Bursa Malaysia dan derivatif di kaunter (OTC) (kecuali derivatif OTC dan produk-produk berstruktur yang setara dengan pemberian pinjaman atau membuat peminjaman dalam ringgit antara pemastautin dengan bukan pemastautin);
- Deposit tetap dan instrumen deposit boleh niaga dalam denominasi ringgit;
- Harta tak alih di Malaysia; dan
- Aset-aset tetap yang lain di Malaysia.

Aset mata wang asing termasuk:
- Pelaburan ekuiti/portfolio di luar negara;
- Pemberian pinjaman kepada bukan pemastautin;
- Deposit dalam mata wang asing di dalam dan di luar negara; dan
- Pelaburan dalam produk mata wang asing yang diluluskan, yang dipasarkan oleh bank tempatan berlesen, Bank Islam Antarabangsa berlesen (BIA berlesen) dan mana-mana pemastautin yang dibenarkan oleh Pengawal Pertukaran Asing (Pengawal).

Pinjaman ringgit domestik merujuk kepada sebarang pendahuluan, pinjaman, kemudahan pembiayaan perdagangan, sewa beli, kemudahan pemfaktoran dengan rekursa, kemudahan pajakan kewangan, jaminan bagi pembayaran barangan, saham keutamaan boleh tebus atau kemudahan yang serupa dalam apa jua nama atau bentuk, yang dalam denominasi ringgit, kecuali:
- Kredit perdagangan yang diberi oleh pembekal bagi semua jenis barangan dan perkhidmatan;
- Kontrak tukaran asing hadapan yang diikat dengan bank tempatan berlesen;
- Jaminan prestasi dan jaminan kewangan;
- Satu pinjaman perumahan persendirian dan satu pinjaman kenderaan yang diperoleh daripada pemastautin;
- Kemudahan kad kredit dan kad caj;

- Kemudahan pajakan operasi;
- Kemudahan pemfaktoran tanpa rekursa; dan
- Pinjaman antara syarikat dalam sesuatu kumpulan korporat di Malaysia.

II. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang Terpakai kepada BUKAN PEMASTAUTIN

PELABURAN LANGSUNG ASING DAN PELABURAN PORTFOLIO OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
Peraturan pentadbiran pertukaran asing menyokong dan memudahkan pelaburan bukan pemastautin di Malaysia	
• Pembelian aset ringgit	• Bebas untuk membeli sebarang aset ringgit termasuk bon/sukuk dalam denominasi ringgit yang diterbitkan oleh bukan pemastautin di Malaysia
• Pemerolehan ringgit bagi pembiayaan aset ringgit	• Ringgit untuk pembiayaan pelaburan tersebut boleh diperoleh daripada: ✓ Akaun Luaran bukan pemastautin[1]; ✓ Penjualan mata wang asing pada asas semerta atau hadapan dengan bank tempatan berlesen[2] atau cawangan-cawangan luar negara yang dilantik oleh bank tempatan berlesen; atau ✓ Peminjaman tempatan
• Peminjaman tempatan	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada bank tempatan berlesen dan BIA berlesen • Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen, syarikat pemastautin[3] dan individu[4] bagi membiayai aktiviti-aktiviti sektor benar di Malaysia, termasuk pembiayaan pembelian aset ringgit • Bebas untuk meminjam sebarang amaun bagi pembiayaan margin daripada syarikat broker saham pemastautin
• Penjualan pelaburan/ pendapatan daripada pelaburan	• Bebas untuk menghantar balik dana daripada penjualan pelaburan aset ringgit, atau keuntungan/dividen hasil daripada pelaburan dalam aset ringgit • Walau bagaimanapun, penghantaran balik dana mesti dibuat dalam mata wang asing selain mata wang Israel
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai terhadap dedahan yang timbul daripada pelaburan dalam aset ringgit yang dibuat pada atau selepas 1 April 2005 dengan bank tempatan berlesen atau cawangan-cawangan luar negara yang dilantik oleh bank tempatan berlesen
PELABURAN DALAM HARTA TAK ALIH OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Pembelian harta tak alih	• Bebas untuk membeli bangunan kediaman dan komersial di Malaysia • Pembelian sedemikian hanya perlu mematuhi garis panduan[5] yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee, FIC). Untuk mendapatkan keterangan lanjut, sila rujuk http://www.epu.jpm.my

[1] Akaun Luaran ialah akaun dalam ringgit yang disenggarakan dengan bank tempatan berlesen oleh atau untuk bukan pemastautin.
[2] Bank tempatan berlesen merujuk kepada bank perdagangan berlesen, bank Islam berlesen dan bank pelaburan berlesen.
[3] Syarikat pemastautin terrmasuk perkongsian terhad dan entiti selain syarikat seperti koperasi dan pertubuhan amal.
[4] Individu pemastautin termasuk milikan tunggal, perkongsian am dan perkongsian dengan rakan kongsi am dan terhad.
[5] (a) Kebenaran daripada FIC tidak diperlukan bagi bukan pemastautin yang membeli bangunan kediaman melebihi RM250,000; dan
(b) Bukan pemastautin di bawah program "Malaysia My Second Home" adalah dikecualikan daripada keperluan mendapat kebenaran.

<table>
<tr><td>• Peminjaman tempatan</td><td>• Bebas untuk meminjam sebarang amaun bagi membiayai atau membiayai semula pembelian bangunan kediaman dan komersial di Malaysia, kecuali untuk pembelian tanah sahaja</td></tr>
<tr><td colspan="2">PEMBERIAN PINJAMAN DALAM RINGGIT DAN DALAM MATA WANG ASING OLEH BUKAN PEMASTAUTIN KEPADA PEMASTAUTIN</td></tr>
<tr><td>• Pemberian pinjaman dalam ringgit</td><td></td></tr>
<tr><td>✓ Oleh syarikat induk bukan bank bukan pemastautin[6]</td><td>• Bebas untuk memberikan pinjaman sebarang amaun dalam ringgit kepada anak syarikat pemastautin untuk membiayai aktiviti-aktiviti sektor benar di Malaysia</td></tr>
<tr><td>✓ Oleh syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin lain</td><td>• Bebas untuk memberikan pinjaman sehingga RM1 juta secara agregat kepada syarikat pemastautin dan individu untuk kegunaan di Malaysia</td></tr>
<tr><td>• Pemberian pinjaman dalam mata wang asing</td><td></td></tr>
<tr><td>✓ Oleh syarikat induk bukan bank bukan pemastautin</td><td>• Bebas untuk memberikan pinjaman sebarang amaun dalam mata wang asing kepada anak syarikat pemastautin di Malaysia
• Bebas untuk memberikan pinjaman dalam mata wang asing kepada pemastautin dengan syarat jumlah keseluruhan peminjaman mata wang asing pemastautin itu tidak melebihi had berikut:</td></tr>
<tr><td>✓ Oleh syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin lain</td><td>
<table>
<tr><td>✓ Individu pemastautin</td><td>Bersamaan RM10 juta secara agregat</td></tr>
<tr><td>✓ Syarikat pemastautin</td><td>Bersamaan RM100 juta secara agregat berdasarkan kumpulan korporat</td></tr>
</table>
• Tanggungjawab untuk memperoleh kebenaran daripada Pengawal bagi peminjaman melebihi had adalah pada peminjam pemastautin</td></tr>
<tr><td colspan="2">PEMINJAMAN OLEH BUKAN PEMASTAUTIN DARIPADA PEMASTAUTIN</td></tr>
<tr><td>• Peminjaman mata wang asing daripada bank tempatan berlesen dan BIA berlesen</td><td>• Bebas untuk meminjam sebarang amaun mata wang asing daripada bank tempatan berlesen dan BIA berlesen</td></tr>
<tr><td>• Peminjaman mata wang asing daripada syarikat bukan bank pemastautin atau individu pemastautin</td><td>• Bebas untuk memperoleh peminjaman mata wang asing daripada syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin seperti yang berikut:
<table>
<tr><th>Pemberi pinjaman pemastautin</th><th>Jumlah</th></tr>
<tr><td>Pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik</td><td>Tiada had</td></tr>
</table>
</td></tr>
</table>

[6] Syarikat induk bukan bank bukan pemastautin merujuk kepada:
(a) syarikat bukan pemastautin yang mempunyai pegangan saham melebihi 50% dalam syarikat pemastautin; atau
(b) syarikat induk akhir bukan pemastautin bagi syarikat pemastautin tersebut, yang bukan bank, syarikat pemegangan pelaburan yang dimiliki oleh bank atau syarikat broker saham.

<table>
<tr>
<td></td>
<td>
<table>
<tr><th>Pemberi pinjaman pemastautin</th><th>Jumlah</th></tr>
<tr><td>Pemastautin yang mempunyai atau tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik, menggunakan dana mata wang asing milik sendiri yang disenggarakan di Malaysia atau di luar negara</td><td>Tiada had</td></tr>
<tr><td>Pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik*

✓ Individu pemastautin

✓ Syarikat pemastautin</td><td>Melalui penukaran ringgit sehingga:
✓ RM1 juta secara agregat setiap tahun kalendar

✓ RM50 juta secara agregat setiap tahun kalendar berdasarkan kumpulan korporat</td></tr>
</table>
* Dengan syarat jumlah pelaburan pemberi pinjaman pemastautin dalam aset mata wang asing, termasuk pemberian pinjaman dalam mata wang asing tidak melebihi had.
</td>
</tr>
<tr>
<td>• Peminjaman dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen, syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin</td>
<td>• Bebas untuk memperoleh peminjaman dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen, syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin seperti yang berikut:
✓Oleh bukan pemastautin (selain syarikat broker saham dan bank) daripada bank tempatan berlesen, syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin bagi:
- membiayai aktiviti-aktiviti sektor benar di Malaysia
- membiayai atau membiayai semula pembelian bangunan kediaman dan komersial di Malaysia
✓Oleh syarikat broker saham dan bank bukan pemastautin daripada bank tempatan berlesen untuk penyelesaian saham ringgit di Bursa Malaysia dan RENTAS yang berpunca daripada kelewatan yang tidak disengajakan dalam penerimaan dana
✓Oleh bukan pemastautin (selain syarikat broker saham dan bank) daripada bank tempatan berlesen dan syarikat broker saham pemastautin bagi kemudahan pembiayaan margin
✓Oleh individu bukan pemastautin daripada syarikat insurans pemastautin sehingga jumlah nilai serahan tunai polisi insurans yang dibeli oleh bukan pemastautin</td>
</tr>
<tr>
<td colspan="2">TERBITAN BON/SUKUK DALAM DENOMINASI RINGGIT DAN MATA WANG ASING DI MALAYSIA OLEH BUKAN PEMASTAUTIN</td>
</tr>
<tr>
<td>• Terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit atau mata wang asing</td>
<td>• Bank Pembangunan Pelbagai Hala, Institusi Kewangan Pelbagai Hala, kerajaan asing, agensi kuasi-kerajaan asing dan syarikat multinasional asing boleh menerbitkan bon/sukuk dalam denominasi ringgit atau mata wang asing di Malaysia</td>
</tr>
</table>

• Penggunaan perolehan bon/sukuk	• Perolehan bon/sukuk dibenarkan untuk digunakan di dalam dan luar negeri • Perolehan bon/sukuk dalam denominasi ringgit untuk kegunaan di luar negeri perlu ditukar kepada mata wang asing dengan bank tempatan berlesen
• Perlindungan nilai	• Penerbit adalah bebas untuk melindung nilai terhadap dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah/keuntungan yang berpunca daripada terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit dan juga faedah/ keuntungan yang berikutnya serta pembayaran kupon dengan bank tempatan berlesen • Pelabur bukan pemastautin bagi bon/sukuk adalah bebas untuk melindung nilai dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah/ keuntungan dengan bank tempatan berlesen
• Garis panduan untuk terbitan	• Butir-butir khusus tentang garis panduan dan insentif untuk terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit dan mata wang asing di Malaysia boleh diperoleh daripada mana-mana laman web yang berikut: ✓ http://www.mifc.com ✓ http://www.bnm.gov.my/fxadmin ✓ http://www.sc.com.my
PERLINDUNGAN NILAI OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Perlindungan nilai aset ringgit	• Bebas melindung nilai dengan bank tempatan berlesen dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah yang berpunca daripada pelaburan dalam aset ringgit yang dibeli pada atau selepas 1 April 2005, dan juga pelaburan dalam bon/sukuk dalam denominasi ringgit yang diterbitkan di Malaysia oleh bukan pemastautin
PEMBUKAAN AKAUN RINGGIT DAN MATA WANG ASING DI MALAYSIA OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Pembukaan akaun dalam ringgit dan mata wang asing	• Bebas untuk membuka: ✓Akaun ringgit dengan bank tempatan berlesen; dan ✓Akaun mata wang asing dengan bank tempatan berlesen dan BIA berlesen • Akaun ringgit yang disenggarakan oleh bukan pemastautin dengan bank tempatan berlesen di Malaysia disebut sebagai `Akaun Luaran´
• Penghantaran balik/ penggunaan dana dalam akaun ringgit atau mata wang asing	• **Akaun Luaran** ✓Bebas untuk membuat penukaran dengan bank tempatan berlesen untuk penghantaran balik ke luar negara ✓Bebas untuk membayar pemastautin untuk sebarang tujuan, melainkan yang berikut: ➢ Pembayaran untuk pengimportan barangan dan perkhidmatan; ➢ Pemberian pinjaman dalam ringgit kepada pemastautin selain yang dibenarkan oleh Pengawal; dan ➢ Pembayaran bagi pihak ketiga ✓Bebas untuk membayar kepada Akaun Luaran bukan pemastautin bagi penyelesaian pembelian aset ringgit • **Akaun mata wang asing** ✓Bebas untuk menghantar balik ✓Bebas untuk membayar pemastautin untuk sebarang tujuan termasuk penyelesaian pembelian barangan dan perkhidmatan

IMPORT DAN EKSPORT RINGGIT DAN MATA WANG ASING KERTAS OLEH PENGEMBARA BUKAN PEMASTAUTIN	
• Import dan eksport wang kertas ringgit	• Dibenarkan untuk mengimport atau mengeksport wang kertas ringgit sehingga RM1,000
• Import wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Tiada had
• Eksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Sehingga bersamaan dengan amaun yang dibawa masuk ke Malaysia atau USD10,000, bergantung pada mana yang lebih tinggi
• Pengisytiharan import dan eksport mata wang asing	• Perlu mengisytiharkan kepada pegawai Imigresen jika amaun keseluruhan wang kertas mata wang asing dan cek kembara melebihi USD10,000, pada masa ketibaan atau berlepas dari Malaysia
• Import dan eksport ringgit dan mata wang asing yang melebihi had yang dibenarkan	• Permohonan boleh dibuat secara dalam talian dengan menggunakan Borang 13 yang boleh didapati di http://www.bnm.gov.my/fxadmin, atau dikemukakan melalui permohonan bertulis kepada Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia • Kebenaran akan diberikan dalam masa satu hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap

III. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang Terpakai kepada PEMASTAUTIN

PELABURAN DALAM ASET MATA WANG ASING OLEH PEMASTAUTIN	
Had-had semasa bagi pelaburan dalam aset mata wang asing hanya terpakai kepada pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik dan menukar ringgit kepada mata wang asing untuk melabur dalam aset mata wang asing	
• Pelaburan dalam aset mata wang asing	• Tiada had bagi pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik • Pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik adalah dibenarkan untuk melabur seperti yang berikut:

✓ Individu pemastautin[7]	• Tiada had sekiranya dibiayai oleh dana mata wang asing milik sendiri yang disimpan di dalam atau luar negara; • Sehingga jumlah penuh peminjaman mata wang asing yang diluluskan; dan • Jumlah agregat sehingga bersamaan RM1 juta setiap tahun kalendar, sekiranya daripada pertukaran ringgit

[7] Individu pemastautin termasuk milikan tunggal, perkongsian am dan perkongsian dengan rakan kongsi am dan terhad.

	✓ Syarikat pemastautin[8]	• Tiada had jika dibiayai dengan dana mata wang asing milik sendiri yang disimpan di dalam atau di luar negara; • Tiada had jika dibiayai oleh dana yang diperoleh daripada penyenaraian saham melalui tawaran awam awal: - Di Papan Utama Bursa Malaysia; atau - Pasaran saham asing • Jumlah agregat sehingga bersamaan RM50 juta setiap tahun kalendar berdasarkan kumpulan korporat sekiranya daripada pertukaran ringgit; dan • Sehingga jumlah penuh peminjaman mata wang asing yang diluluskan
• Pelaburan dalam aset mata wang asing oleh pelabur institusi pemastautin ✓ Syarikat pengurusan amanah saham ✓ Syarikat pengurusan dana ✓ Penanggung insurans dan pengendali takaful	• Syarikat pengurusan amanah saham: ✓ Pelaburan daripada dana Islam ➢ Tiada had ✓ Pelaburan daripada dana konvensional **Dana mata wang asing** ➢ 100% daripada nilai aset bersih (net asset value, NAV) **Dana ringgit** ➢ 100% daripada nilai NAV yang dilanggan oleh bukan pemastautin dan pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; dan ➢ 50% daripada NAV yang dilanggan oleh pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik • Syarikat pengurusan dana: ✓ Dana dimandatkan untuk dilaburkan dalam aset berlandaskan syariah ➢ Tiada had ✓ Dana dimandatkan untuk dilaburkan dalam aset bukan berlandaskan syariah **Dana mata wang asing** ➢ Tiada had **Dana ringgit** ➢ 100% jumlah dana diuruskan bagi bukan pemastautin dan pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; dan ➢ 50% daripada jumlah dana diuruskan bagi pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik	

[8] Syarikat pemastautin termasuk perkongsian terhad dan entiti selain syarikat seperti koperasi dan pertubuhan amal.

	• Penanggung insurans dan pengendali takaful, termasuk unit perniagaan mata wang antarabangsa pengendali takaful dan pengendali takaful antarabangsa: **Dana mata wang asing** ➢ 100% daripada NAV dana berkaitan pelaburan dalam mata wang asing dipasarkan kepada pemastautin dan bukan pemastautin **Dana ringgit** ➢ 100% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang dipasarkan kepada bukan pemastautin dan pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; dan ➢ 50% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang dipasarkan kepada pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik; ➢ 10% daripada margin kesolvenan bagi penanggung insurans; dan ➢ 5% daripada jumlah aset bagi pengendali takaful
• Pembayaran bagi pembelian aset mata wang asing	• Aset mata wang asing di luar negeri ✓ Pembayaran hendaklah dibuat dalam mata wang asing selain mata wang Israel ✓ Mata wang asing boleh diperoleh daripada penukaran ringgit dengan bank-bank tempatan berlesen[9] atau dana mata wang asing milik sendiri • Aset mata wang asing tempatan yang ditawarkan oleh bank-bank tempatan berlesen, BIA berlesen atau entiti[10] yang diluluskan oleh Pengawal: ✓ Pembayaran boleh dibuat dalam mata wang asing atau ringgit
• Penjualan pelaburan/ pendapatan daripada pelaburan dalam aset mata wang asing	• Bebas untuk menghantar balik dan menukar hasil jualan pelaburan atau pendapatan daripada pelaburan dalam aset mata wang asing kepada ringgit • Bebas untuk menyimpan pendapatan tersebut dalam akaun mata wang asing
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank-bank tempatan berlesen dan BIA berlesen bagi pelaburan dalam aset mata wang asing berdasarkan komitmen yang sah • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen
PEMINJAMAN DALAM MATA WANG ASING DAN RINGGIT OLEH PEMASTAUTIN	
• Peminjaman mata wang asing oleh:	
✓ Individu pemastautin	• Bebas untuk meminjam dalam mata wang asing sehingga jumlah bersamaan RM10 juta secara agregat daripada: ✓ Bank-bank tempatan berlesen; ✓ BIA berlesen; dan ✓ Bukan pemastautin • Pembiayaan perdagangan melibatkan eksport hanya boleh diperoleh daripada bank tempatan berlesen • Dibenarkan untuk membiayai semula baki peminjaman mata wang asing yang telah diluluskan (pembayaran pokok dan faedah)

[9] Bank tempatan berlesen merujuk kepada bank perdagangan berlesen, bank Islam berlesen dan bank pelaburan berlesen.
[10] Contoh: (a) Syarikat amanah saham yang menawarkan dana amanah saham dalam mata wang asing.
(b) Bursa Malaysia bagi dagangan produk derivatif dalam mata wang asing seperti niaga hadapan minyak sawit mentah.

✓ Syarikat pemastautin	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada: ✓ Syarikat induk bukan bank bukan pemastautin[11]; ✓ Syarikat pemastautin yang lain dalam kumpulan korporat yang sama di Malaysia[12]; ✓ Bank-bank tempatan berlesen; dan ✓ BIA berlesen • Bebas untuk meminjam dalam mata wang asing sehingga jumlah bersamaan RM100 juta secara agregat berdasarkan kumpulan korporat: ✓ Daripada bukan pemastautin lain (selain syarikat induk bukan bank bukan pemastautin); dan ✓ Melalui terbitan bon mata wang asing di dalam dan di luar negara. • Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing kredit pembekal untuk barangan modal daripada pembekal-pembekal bukan pemastautin • Dibenarkan untuk membiayai semula baki pinjaman dalam mata wang asing yang telah diluluskan (pembayaran pokok dan faedah)
• Pendapatan daripada penyenaraian di luar negara	• Bebas untuk meminjam daripada syarikat pemastautin lain dalam kumpulan korporat yang sama di Malaysia, pendapatan mata wang asing yang diperoleh daripada penyenaraian di pasaran saham luar negara
• Kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing	• Bebas untuk memperoleh kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing daripada bank-bank tempatan berlesen dan BIA berlesen • Dibenarkan untuk memperoleh kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing dari luar negara sehingga bersamaan RM5 juta secara agregat. Kemudahan pembiayaan perdagangan ialah sebahagian daripada had RM100 juta bagi peminjaman dalam mata wang asing daripada bukan pemastautin • Kemudahan pembiayaan perdagangan bagi eksport barangan hendaklah diperoleh daripada bank-bank tempatan berlesen sahaja
• Pembayaran balik dan pembayaran awal	• Bebas untuk membuat pembayaran balik dan pembayaran awal peminjaman mata wang asing yang diluluskan
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai pengeluaran dan pembayaran balik peminjaman mata wang asing dengan bank-bank tempatan berlesen dan BIA berlesen • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen

[11] Syarikat induk bukan bank bukan pemastautin merujuk kepada:
(a) syarikat bukan pemastautin yang mempunyai pegangan saham melebihi 50% dalam syarikat pemastautin; atau
(b) syarikat induk akhir bukan pemastautin bagi syarikat pemastautin tersebut, yang bukan bank, syarikat pegangan pelaburan yang dimiliki oleh bank atau syarikat broker saham.

[12] Kumpulan korporat merujuk kepada kumpulan syarikat di Malaysia yang mempunyai hubungan induk dan anak syarikat.

• Peminjaman dalam ringgit daripada bukan pemastautin	
✓ Individu pemastautin	• Bebas untuk meminjam sehingga RM1 juta secara agregat daripada syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin untuk kegunaan di Malaysia
✓ Syarikat pemastautin	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam ringgit daripada syarikat induk bukan bank bukan pemastautin bagi membiayai aktiviti-aktiviti sektor benar di Malaysia • Bebas untuk meminjam sehingga RM1 juta secara agregat daripada syarikat bukan bank bukan pemastautin atau individu bukan pemastautin lain untuk kegunaan di Malaysia
PEMBERIAN PINJAMAN DALAM RINGGIT OLEH PEMASTAUTIN	
• Pemberian pinjaman dalam ringgit oleh:	
✓ Syarikat bukan bank pemastautin dan individu pemastautin	• Bebas untuk memberikan pinjaman sebarang amaun dalam ringgit kepada syarikat bukan bank bukan pemastautin dan individu bukan pemastautin untuk: ✓ Membiayai aktiviti-aktiviti dalam sektor benar di Malaysia; dan ✓ Membiayai atau membiayai semula pembelian bangunan kediaman dan komersial di Malaysia
✓ Bank tempatan berlesen	• Bebas untuk memberikan pinjaman sebarang amaun dalam ringgit kepada: ✓ syarikat bukan bank bukan pemastautin dan individu bukan pemastautin (selain syarikat broker saham dan bank): ➢ Untuk membiayai aktiviti-aktiviti dalam sektor benar di Malaysia; ➢ Bagi pembiayaan margin; dan ➢ Untuk membiayai atau membiayai semula pembelian bangunan kediaman dan komersial di Malaysia ✓ Syarikat broker saham dan bank bukan pemastautin bagi penyelesaian sekuriti dalam ringgit di Bursa Malaysia dan RENTAS yang berpunca daripada kelewatan yang tidak disengajakan dalam penerimaan dana
✓ Syarikat broker saham pemastautin	• Bebas untuk memberikan pembiayaan margin sebarang amaun dalam ringgit kepada syarikat bukan bank bukan pemastautin dan individu bukan pemastautin bagi pembelian saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia
✓ Penanggung insurans pemastautin	• Bebas untuk memberikan pinjaman dalam ringgit kepada individu bukan pemastautin sehingga jumlah nilai serahan tunai polisi insurans yang dibeli oleh bukan pemastautin

TERBITAN SEKURITI DALAM DENOMINASI RINGGIT DAN MATA WANG ASING OLEH PEMASTAUTIN	
• Terbitan sekuriti kepada bukan pemastautin	• Bebas untuk menerbitkan sekuriti-sekuriti dalam ringgit yang berdaftar di Malaysia kepada bukan pemastautin seperti yang berikut: ✓ Saham biasa, termasuk bonus dan terbitan hak; ✓ Saham keutamaan tidak boleh tebus; dan ✓ Sekuriti hutang swasta • Kebenaran hendaklah terlebih dahulu diperoleh bagi terbitan sekuriti kepada bukan pemastautin selain yang tersebut di atas
• Terbitan bon/sukuk:	
✓ Bon/sukuk dalam denominasi ringgit	• Bebas untuk menerbitkannya di Malaysia
✓ Bon/sukuk dalam denominasi mata wang asing	• Dibenarkan asalkan jumlah peminjaman mata wang asing, termasuk bon/sukuk tidak melebihi bersamaan RM100 juta
• Penggunaan perolehan bon/sukuk:	
✓ Bon/sukuk dalam denominasi ringgit	• Bebas digunakan di dalam negeri • Bebas digunakan untuk pelaburan dalam aset mata wang asing dengan syarat jumlah pelaburan penerbit tidak melebihi jumlah agregat bersamaan RM50 juta setiap tahun kalendar
✓ Bon/sukuk dalam denominasi mata wang asing	• Bebas digunakan di dalam dan di luar negara
• Garis panduan untuk terbitan	• Garis panduan terbitan boleh diperoleh di: ✓ http://www.mifc.com ✓ http://www.bnm.gov/fxadmin ✓ http://www.sc.com.my
EKSPORT DAN IMPORT BARANGAN DAN PERKHIDMATAN OLEH PEMASTAUTIN	
• Mata wang bagi pembayaran import dan eksport	• Pembayaran hendaklah dibuat dalam mata wang asing selain mata wang Israel
• Membawa balik pendapatan eksport	• Mesti dibawa balik sepenuhnya ke Malaysia seperti yang dinyatakan dalam kontrak jualan dan tidak melebihi enam bulan daripada tarikh eksport • Kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu sekiranya pemastautin: ✓ Mengofset pendapatan eksport dengan bayaran-bayaran lain kepada bukan pemastautin; atau ✓ Menerima pendapatan eksport yang melebihi enam bulan dari tarikh eksport

• Penyimpanan pendapatan eksport	• Bebas untuk disimpan dalam akaun mata wang asing dan akaun ringgit dengan bank-bank tempatan berlesen • Kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu untuk menyimpan pendapatan eksport dalam akaun mata wang asing yang disenggarakan dengan BIA berlesen atau bank di luar negara
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank-bank tempatan berlesen dan BIA berlesen bagi pembayaran atau penerimaan untuk import atau eksport barangan dan perkhidmatan berdasarkan: ✓ Komitmen yang sah; atau ✓ Anggaran, sehingga had jumlah yang sebenar dibayar atau diterima dalam tempoh 12 bulan sebelumnya • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen
PEMBUKAAN AKAUN MATA WANG ASING OLEH PEMASTAUTIN	
• Pembukaan akaun mata wang asing	• Bebas untuk membuka akaun mata wang asing dengan bank tempatan berlesen, BIA berlesen, bank berlesen di luar pesisir Labuan dan bank di luar negara
• Sumber dana	• Akaun tersebut boleh dikreditkan dengan dana mata wang asing yang diperoleh: ✓ Daripada pertukaran ringgit dengan bank tempatan berlesen: ➢ Tiada had bagi pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; ➢ Bagi pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik, sehingga had yang dibenarkan bagi pelaburan dalam aset mata wang asing. Tambahan had diberikan bagi pendidikan dan pekerjaan di luar negara seperti yang berikut: - Sehingga USD150,000 dengan bank-bank tempatan berlesen dan BIA berlesen; - Sehingga USD150,000 dengan bank berlesen di luar pesisir di Labuan; dan - Sehingga USD50,000 dengan bank-bank luar negara ✓ Daripada pemastautin lain bagi tujuan yang dibenarkan; dan ✓ Daripada bukan pemastautin. Pendapatan eksport boleh disimpan dengan bank-bank tempatan berlesen sahaja
• Pembukaan akaun mata wang asing bersama	• Individu pemastautin adalah bebas untuk membuka akaun mata wang asing bersama dengan individu pemastautin lain bagi sebarang tujuan • Walau bagaimanapun, syarikat pemastautin dikehendaki mendapatkan kebenaran terlebih dahulu untuk membuka akaun mata wang asing bersama
PEMBAYARAN ANTARA PEMASTAUTIN	
• Pembayaran dalam ringgit	• Tiada sekatan
• Pembayaran dalam mata wang asing	• Syarikat pemastautin yang mempunyai pendapatan eksport adalah bebas untuk membayar syarikat pemastautin lain dalam mata wang asing bagi menjelaskan pembayaran barangan dan perkhidmatan

PERLINDUNGAN NILAI OLEH PEMASTAUTIN	
• Perlindungan nilai bagi transaksi akaun semasa	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank-bank tempatan berlesen dan BIA berlesen untuk pembayaran dan penerimaan import dan eksport barangan dan perkhidmatan berdasarkan: ✓ Komitmen yang sah; atau ✓ Anggaran, dengan syarat jumlah yang dilindung tidak melebihi jumlah keseluruhan yang dibayar atau diterima dalam tempoh 12 bulan sebelumnya • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen
• Perlindungan nilai bagi transaksi akaun modal	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank-bank tempatan berlesen dan BIA berlesen berasaskan penerimaan atau keluaran modal yang sah • Pemastautin juga dibenarkan untuk melindung nilai pegangan semasa aset mata wang asing mereka • Perlindungan nilai melibatkan ringgit hanya boleh dibuat dengan bank tempatan berlesen
IMPORT DAN EKSPORT RINGGIT DAN MATA WANG ASING KERTAS OLEH PENGEMBARA PEMASTAUTIN	
• Import dan eksport wang kertas ringgit	• Dibenarkan mengimport atau mengeksport wang kertas ringgit sehingga RM1,000
• Import wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Tiada had
• Eksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Dibenarkan mengeksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara sehingga bersamaan USD10,000
• Import dan eksport ringgit dan mata wang asing melebihi had-had yang dibenarkan	• Permohonan boleh dibuat secara dalam talian, dengan menggunakan Borang 13 yang boleh didapati di http://www.bnm.gov.my/fxadmin atau dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing , Bank Negara Malaysia • Kebenaran akan diberikan dalam tempoh satu hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap
SYARIKAT PEMASTAUTIN YANG DIANUGERAHI STATUS KHAS	
• Syarikat Koridor Raya Multimedia	• Syarikat yang berstatus Koridor Raya Multimedia dikecualikan daripada keperluan pentadbiran pertukaran asing bagi urus niaga yang dilakukan untuk akaun sendiri
• Ibu pejabat Operasi yang Diluluskan (OHQ)	• Bebas untuk melabur dalam aset mata wang asing yang dibiayai dengan dana mata wang asing milik sendiri atau peminjaman • Bebas untuk memperoleh sebarang amaun kemudahan kredit mata wang asing daripada bank tempatan berlesen, BIA berlesen dan mana-mana bukan pemastautin, dengan syarat OHQ tersebut tidak meminjamkan dana itu kepada, atau memperoleh dana itu bagi pihak, mana-mana pemastautin

	• Bebas menggunakan sebarang amaun dana yang diperoleh daripada penyenaraian saham melalui tawaran awam awal di Papan Utama Bursa Malaysia bagi pelaburan dalam aset mata wang asing • Bebas untuk memberikan pinjaman dalam mata wang asing daripada pendapatan yang diperoleh daripada penyenaraian saham dalam pasaran saham asing kepada syarikat pemastautin lain dalam kumpulan korporat yang sama di Malaysia
• Pusat Pengagihan Serantau dan Pusat Pemerolehan Antarabangsa	• Pusat Pengagihan Serantau dan Pusat Pemerolehan Antarabangsa tertakluk kepada peraturan yang dikenakan kepada syarikat pemastautin

Statistik Ekonomi dan Kewangan Utama

Jadual A.1
Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar Tahun 2000

	2004	2005	2006	2007	2008*a*	2009*r*
	RM juta					
Pertanian	34,929	35,835	37,769	38,593	40,073	39,260
Perlombongan dan kuari	42,627	42,472	41,315	42,663	42,337	42,176
Perkilangan	131,127	137,940	147,672	152,262	154,195	141,934
Pembinaan	14,903	14,685	14,604	15,279	15,604	16,071
Perkhidmatan	214,528	230,043	246,895	270,761	290,588	303,695
Tolak: FISIM[1] yang tidak diagihkan	17,705	17,742	18,351	19,727	20,786	20,853
Campur: Duti import	6,099	6,017	5,287	5,521	6,793	6,576
KDNK pada harga pembeli[2]	**426,508**	**449,250**	**475,192**	**505,353**	**528,804**	**528,860**
	Perubahan tahunan (%)					
Pertanian	4.7	2.6	5.4	2.2	3.8	-2.0
Perlombongan dan kuari	4.1	-0.4	-2.7	3.3	-0.8	-0.4
Perkilangan	9.6	5.2	7.1	3.1	1.3	-8.0
Pembinaan	-0.9	-1.5	-0.5	4.6	2.1	3.0
Perkhidmatan	6.4	7.2	7.3	9.7	7.3	4.5
Tolak: FISIM[1] yang tidak diagihkan	0.3	0.2	3.4	7.5	5.4	0.3
Campur: Duti import	-5.5	-1.3	-12.1	4.4	23.0	-3.2
KDNK pada harga pembeli[2]	**6.8**	**5.3**	**5.8**	**6.3**	**4.6**	**-1.0 ~ 1.0**

[1] Perkhidmatan pengantaraan kewangan yang diukur secara tidak langsung
[2] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.2
Pertumbuhan dalam Pengeluaran Perkilangan (2005=100)

	2005	2006	2007	2008	2006	2007	2008
	Indeks				Perubahan tahunan (%)		
Industri berorientasikan eksport	**100.0**	**110.0**	**111.1**	**109.8**	**10.0**	**1.0**	**-1.2**
Kumpulan elektronik dan barangan elektrik	**100.0**	**113.5**	**111.8**	**107.9**	**13.5**	**-1.5**	**-3.5**
Elektronik	*100.0*	*116.4*	*119.9*	*113.4*	*16.4*	*3.0*	*-5.4*
Barangan elektrik	*100.0*	*107.9*	*96.2*	*97.2*	*7.9*	*-10.8*	*1.1*
Kumpulan barangan induk	**100.0**	**107.7**	**110.6**	**111.1**	**7.7**	**2.7**	**0.4**
Bahan kimia dan keluaran kimia	100.0	107.6	111.4	107.6	7.6	3.6	-3.5
Keluaran petroleum	100.0	108.2	110.8	117.4	8.2	2.5	5.9
Tekstil, pakaian dan kasut	100.0	102.2	100.3	100.3	2.2	-1.9	0.0
Kayu dan keluaran kayu	100.0	97.1	94.3	89.7	-2.9	-2.8	-4.9
Keluaran getah	100.0	112.7	122.5	128.2	12.7	8.6	4.7
Pemprosesan di luar estet	100.0	115.4	105.1	115.0	15.4	-8.9	9.4
Keluaran kertas	100.0	112.4	140.8	120.6	12.4	25.3	-14.4
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**100.0**	**104.5**	**112.5**	**121.5**	**4.5**	**7.6**	**8.0**
Kumpulan barangan berkaitan pembinaan	**100.0**	**110.5**	**121.6**	**126.9**	**10.5**	**10.0**	**4.3**
Barangan berkaitan pembinaan	100.0	104.4	113.2	116.9	4.4	8.5	3.2
Keluaran galian bukan logam	*100.0*	*103.3*	*105.3*	*114.9*	*3.3*	*1.9*	*9.1*
Keluaran asas besi dan keluli dan logam bukan ferus	*100.0*	*105.6*	*122.9*	*119.3*	*5.6*	*16.3*	*-2.9*
Keluaran logam yang direka	100.0	122.4	137.8	146.2	22.4	12.5	6.1
Kumpulan barangan pengguna	**100.0**	**100.2**	**105.9**	**117.6**	**0.2**	**5.6**	**11.0**
Keluaran makanan	100.0	106.4	114.5	125.8	6.4	7.6	9.9
Kelengkapan pengangkutan	100.0	95.3	94.3	116.4	-4.7	-1.1	23.4
Minuman	100.0	98.5	114.2	117.2	-1.5	15.9	2.6
Keluaran tembakau	100.0	95.7	99.0	93.5	-4.3	3.5	-5.6
Lain-lain	100.0	99.7	110.4	101.7	-0.3	10.7	-7.9
Jumlah	**100.0**	**108.9**	**111.4**	**112.1**	**8.9**	**2.2**	**0.7**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual A.3
Pengeluaran Komoditi Utama

	2004	2005	2006	2007	2008*a*	2005	2006	2007	2008*a*
	Jumlah					Perubahan tahunan (%)			
Minyak sawit mentah ('000 tan)	13,976	14,962	15,881	15,824	17,734	7.1	6.1	-0.4	12.1
Getah ('000 tan)	1,169	1,126	1,284	1,200	1,078	-3.7	14.0	-6.6	-10.1
Kayu balak ('000 meter padu)	21,782	22,398	21,894	22,052	18,463	2.8	-2.3	0.7	-16.3
Koko ('000 tan)	33	28	32	35	28	-16.3	14.2	10.2	-20.5
Minyak mentah (termasuk kondensat) ('000 tong sehari)	762	704	667	683	694	-7.7	-5.2	2.4	1.7
Gas asli (juta kaki padu sehari)	5,196	5,797	5,774	5,884	5,579	11.6	-0.4	1.9	-5.2
Timah padat ('000 tan)	2.7	2.9	2.4	2.3	2.5[1]	4.1	-16.1	-5.5	36.8[1]

[1] Januari - Oktober 2008
a Awalan

Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia
Jabatan Perangkaan Malaysia
Jabatan Perhutanan (Semenanjung Malaysia, Sabah & Sarawak)
Lembaga Koko Malaysia
PETRONAS
Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia

Jadual A.4
PNK Mengikut Agregat Permintaan

	2004	2005	2006	2007	2008*a*	2009*r*
	pada Harga Semasa (RM juta)					
Penggunaan	268,206	298,750	325,938	371,021	427,286	454,411
Penggunaan swasta	*208,571*	*234,234*	*257,412*	*292,724*	*334,219*	*352,143*
Penggunaan awam	*59,635*	*64,516*	*68,526*	*78,297*	*93,067*	*102,268*
Pelaburan	99,336	107,185	119,596	139,142	146,127	142,157
Pelaburan swasta	*50,592*	*53,705*	*61,116*	*74,499*	*79,797*	*63,356*
Pelaburan awam	*48,744*	*53,480*	*58,480*	*64,643*	*66,330*	*78,801*
Perubahan dalam stok[1]	9,930	-2,770	577	1,654	-4,532	1,556
Eksport barangan dan perkhidmatan	546,925	613,694	669,776	707,156	766,360	579,222
Import barangan dan perkhidmatan	450,350	494,414	542,150	577,110	594,520	471,972
KDNK pada nilai pembeli	474,048	522,445	573,736	641,864	740,721	705,373
Pembayaran faktor bersih luar negeri	-24,402	-23,961	-17,356	-13,758	-25,441	-10,620
PNK pada nilai pembeli	449,646	498,485	556,380	628,106	715,280	694,753
	pada Harga Malar 2000 (RM juta)					
Penggunaan	253,025	274,642	291,480	320,327	349,407	364,392
Penggunaan swasta	*198,193*	*216,247*	*230,222*	*255,028*	*276,527*	*286,205*
Penggunaan awam	*54,832*	*58,395*	*61,258*	*65,299*	*72,880*	*78,187*
Pelaburan	94,562	99,266	107,116	117,375	118,670	117,469
Pelaburan swasta	*49,239*	*50,841*	*54,643*	*59,996*	*60,896*	*50,118*
Penggunaan awam	*45,322*	*48,425*	*52,473*	*57,378*	*57,775*	*67,351*
Perubahan dalam stok[1]	4,052	-3,080	111	-5,918	-10,081	-2,811
Eksport barangan dan perkhidmatan	511,774	554,261	592,898	617,628	626,824	522,913
Import barangan dan perkhidmatan	436,906	475,838	516,412	544,059	556,015	473,102
KDNK pada nilai pembeli	426,508	449,250	475,192	505,353	528,804	528,860
Pembayaran faktor bersih luar negeri	-23,670	-24,956	-20,567	-23,114	-32,727	-23,996
PNK pada nilai pembeli	402,838	424,295	454,625	482,239	496,077	504,864

[1] Termasuk perbezaan perangkaan
a Awalan
r Ramalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.5
Jurang Tabungan-Pelaburan

	2004	2005	2006	2007	2008*a*
	RM juta				
Pembentukan modal dalam negeri kasar awam	48,744	53,480	58,480	64,643	66,330
Tabungan awam	73,000	70,506	83,226	104,231	80,443
Defisit/lebihan	24,256	17,026	24,746	39,588	14,113
Pembentukan modal dalam negeri kasar swasta	60,522	50,935	61,693	76,153	75,265
Tabungan swasta	93,806	112,257	130,365	137,111	190,503
Defisit/lebihan	33,284	61,322	68,672	60,958	115,238
Pembentukan modal dalam negeri kasar	109,266	104,415	120,173	140,796	141,595
(% daripada PNK)	24.3	20.9	21.6	22.4	19.8
Tabungan negara kasar	166,806	182,763	213,591	241,342	270,946
(% daripada PNK)	37.1	36.7	38.4	38.4	37.9
Imbangan akaun semasa	57,540	78,348	93,418	100,546	129,351
(% daripada PNK)	12.8	15.7	16.8	16.0	18.1

a Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual A.6
Pasaran Pekerja: Penunjuk Terpilih

	2004	2005	2006	2007	2008*a*
	(bilangan jawatan/orang)				
Kekosongan Jawatan mengikut Industri[1]					
Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan	1,373	40,438	188,104	226,759	275,548
Perlombongan dan kuari	41	150	861	1,163	1,450
Perkilangan	17,769	112,542	348,302	275,155	327,798
Pembinaan	3,505	48,524	129,586	117,217	107,421
Perkhidmatan	18,624	63,441	154,902	204,599	346,763
Elektrik, gas dan air	*198*	*859*	*2,227*	*1,477*	*2,047*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*5,221*	*23,921*	*67,956*	*66,600*	*99,317*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*1,046*	*3,892*	*8,287*	*12,578*	*15,264*
Kewangan, aktiviti harta tanah, penyewaan dan perkhidmatan perniagaan	*6,162*	*13,874*	*26,642*	*50,235*	*125,821*
Pentadbiran awam, pertahanan dan keselamatan sosial wajib	*1,224*	*2,497*	*3,539*	*11,287*	*11,132*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian	*4,773*	*18,398*	*46,251*	*62,422*	*93,182*
Tidak tersenarai pada bahagian lain	8,663	39,405	12,920	289	0
Jumlah kekosongan	**49,975**	**304,500**	**834,675**	**825,182**	**1,058,980**
Pemberhentian Pekerja mengikut Industri					
Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan	608	243	312	255	398
Perlombongan dan kuari	120	355	78	61	89
Perkilangan	12,333	11,802	8,890	9,970	11,014*
Pembinaan	1,041	411	603	291	199
Perkhidmatan	5,854	3,298	5,477	3,458	4,769
Elektrik, gas dan air	*0*	*0*	*65*	*5*	*77*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*1,402*	*1,294*	*2,327*	*1,929*	*2,052*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*2,287*	*802*	*1,521*	*322*	*773*
Kewangan, aktiviti harta tanah, penyewaan dan perkhidmatan perniagaan	*1,361*	*463*	*983*	*761*	*1,008*
Aktiviti perkhidmatan komuniti, sosial dan persendirian	*804*	*739*	*581*	*441*	*859*
Jumlah pemberhentian pekerja	**19,956**	**16,109**	**15,360**	**14,035**	**16,469**
Guna Tenaga mengikut Industri[2] ('000 orang)					
Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan	1,406.9	1,401.3	1,392.4	1,389.8	1,388.7
Perlombongan dan kuari	42.6	42.7	42.6	42.9	42.8
Perkilangan	2,972.4	3,133.2	3,227.2	3,296.6	3,337.6
Pembinaan	767.3	759.6	755.2	757.3	758.4
Perkhidmatan	5,274.5	5,555.9	5,741.7	5,911.4	5,997.1
Elektrik, gas dan air	*89.9*	*93.0*	*95.0*	*96.8*	*97.6*
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	*594.3*	*630.6*	*646.4*	*660.0*	*670.1*
Perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran	*1,729.6*	*1,861.5*	*1,930.4*	*1,957.7*	*1,979.6*
Kewangan, insurans, harta tanah dan perkhidmatan perniagaan	*695.0*	*734.4*	*767.5*	*789.7*	*796.8*
Perkhidmatan Kerajaan	*1,098.6*	*1,118.4*	*1,152.5*	*1,225.6*	*1,247.0*
Perkhidmatan-perkhidmatan lain	*1,067.1*	*1,118.1*	*1,150.0*	*1,181.6*	*1,205.8*
Jumlah guna tenaga	**10,463.7**	**10,892.8**	**11,159.0**	**11,398.0**	**11,524.7**
Kadar pengangguran[2] (% daripada tenaga kerja)	**3.5**	**3.5**	**3.3**	**3.2**	**3.7**

a Anggaran
[1] Merujuk kepada jumlah kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan melalui Bursa Buruh Elektronik (ELX). Sejak tahun 2005, majikan perlu melaporkan kekosongan jawatan melalui ELX sebelum mengambil pekerja asing
[2] Merujuk kepada anggaran yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi
* Tidak termasuk 7,564 pekerja yang diberhentikan daripada sebuah syarikat yang diambil alih, tetapi diambil semula untuk bekerja oleh majikan baharu syarikat tersebut

Sumber: Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia

Jadual A.7
Penunjuk Penggunaan Swasta

	2007	2008				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan penumpang ('000 unit)	442.9	120.3	134.0	138.1	105.1	497.5
Perubahan tahunan (%)	18.4	25.7	27.8	10.4	-10.5	12.3
Import barangan penggunaan (RM bilion)	28.9	7.4	8.3	8.7	8.0	32.3
Perubahan tahunan (%)	3.6	5.6	21.3	16.2	4.1	11.6
Kutipan cukai						
Cukai jualan (RM bilion)	6.3	1.2	2.2	1.9	3.1	7.4
Cukai perkhidmatan (RM bilion)	3.0	0.5	1.0	0.8	1.0	3.2
Wang Secara Kecil (M1)						
Perubahan tahunan (%)	19.6	2.7	1.4	2.1	1.9	8.3
Pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan						
Kredit penggunaan (tidak termasuk kereta penumpang)						
Perubahan tahunan (%)	14.9	15.4	21.0	3.0	-1.5	8.8
Perniagaan runcit, restoran dan hotel						
Perubahan tahunan (%)	0.8	22.6	36.5	32.8	8.1	24.5
Jualan runcit MRA (% perubahan tahunan)	12.8	t.d.	t.d.	t.d.	t.d.	5.0
Jumlah perbelanjaan kad kredit (RM bilion)	55.6	15.4	15.7	17.2	16.8	65.2
Perubahan tahunan (%)	17.5	17.1	19.5	22.0	10.9	17.2
Indeks Sentimen Pengguna MIER	–	115.5	70.6	88.9	71.4	–
Indeks Komposit Kuala Lumpur	1,445.0	1,247.5	1,186.6	1,018.7	876.8	876.8
Harga Komoditi						
Minyak sawit mentah (RM/tan)	2,472	3,592	3,524	2,780	1,601	2,875
Minyak mentah(USD/tong)	78	99	128	124	57	102
Getah (sen/kg)	736	842	927	983	563	829

t.d. Tidak diperoleh

Jadual A.8
Penunjuk Pelaburan Swasta

	2007	2008				
		S1	S2	S3	S4	Tahun
Jualan kenderaan perdagangan ('000 unit)	44.3	10.5	13.2	13.8	13.1	50.7
Perubahan tahunan (%)	-62.0	13.0	20.3	11.2	13.3	14.4
Import barangan modal (RM bilion)	69.9	16.1	18.3	18.6	16.9	69.9
Perubahan tahunan (%)	7.2	7.8	11.3	-2.3	-13.4	0.0
Kelulusan oleh MITI (Sektor perkilangan)						
Bilangan projek	949	197	225	234	263	919
Pelaburan modal (RM bilion)	59.9	22.7	16.8	12.7	10.6	62.8
Asing	*33.4*	*16.0*	*13.7*	*9.0*	*7.4*	*46.1*
Tempatan	*26.5*	*6.7*	*3.1*	*3.6*	*3.3*	*16.7*
Pelaburan baharu (% bahagian)	52.0	70.1	69.9	82.6	36.5	66.9
Pelaburan semula (% bahagian)	48.0	29.9	30.1	17.4	63.5	33.1
